

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KE-14**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN WONG KAH WHO [IPOH TIMUR]**

**TARIKH : 7 DISEMBER 2020 (ISNIN)**

**SOALAN**

**TUAN WONG KAH WOH [ IPOH TIMUR ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah inisiatif Kerajaan kepada rakyat secara keseluruhan untuk menghadapi gelombang baharu COVID-19 yang melanda, termasuk sama ada akan mengarahkan supaya moratorium dilanjutkan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kerajaan amat prihatin dan mengambil perhatian yang sangat serius terhadap gelombang baharu COVID-19 yang sedang melanda negara yang telah memberi impak terhadap kelangsungan hidup rakyat secara keseluruhannya. Beberapa inisiatif telah dilaksanakan di bawah Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat (PRIHATIN) dan Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA) bertujuan membantu rakyat yang terjejas atau kehilangan sumber pendapatan kesan dari pandemik COVID-19 tersebut. Antara inisiatif yang telah dilaksanakan untuk memberi kelegaan sementara atau "*temporary relief*" kepada rakyat bagi menampung kos keperluan harian, adalah dengan pemberian tunai secara *one-off* kepada golongan terjejas.

2. Selain bantuan segera berbentuk *one-off*, kerajaan turut mengurangkan tekanan beban kewangan isi rumah dengan bentuk bantuan lain seperti pemberian diskaun bil elektrik dan pengecualian bayaran sewa rumah membabitkan rumah PPR disewa atau transit bawah pengurusan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur. Selain itu, dalam usaha mengurangkan bilangan rakyat yang terjejas dan peningkatan pada jumlah pengangguran, Kerajaan telah mengumumkan Program Subsidi Upah (PSU) yang berupa bantuan kewangan untuk membantu majikan yang terkesan dari segi ekonomi akibat COVID-19 supaya dapat meneruskan operasi syarikat serta mengelakkan pekerja hilang pekerjaan dan punca pendapatan.

3. Berikutan pertambahan kes COVID-19 baru-baru ini, Kerajaan meneruskan momentum membantu rakyat dengan mengumumkan pakej Kerangka Inisiatif Tambahan Khas atau KITA PRIHATIN berjumlah RM10 bilion. KITA PRIHATIN merangkumi Bantuan Prihatin Nasional (BPN) 2.0 berjumlah RM7 bilion, Program Subsidi Upah 2.0 berjumlah RM2.4 bilion Geran Khas PRIHATIN 2.0 (GKP 2.0) sebanyak RM600 juta. Selain itu, **semasa pembentangan Belanjawan 2021 pada 6 November 2020 yang lalu, Kementerian Kewangan turut mengumumkan pelbagai**

**inisiatif tambahan bagi membantu rakyat, golongan peniaga kecil dan PKS mikro serta sektor ekonomi.**

4. Kerajaan turut membantu meringankan beban aliran tunai rakyat secara bersasar dan memudahkan moratorium kepada semua rakyat Malaysia yang terkesan tanpa mengira daripada golongan B40, M40 atau T20. Bagi golongan B40 dan peniaga kecil, mereka akan mendapat lanjutan moratorium bank secara automatik manakala golongan M40 pula hanya perlu membuat pengisytiharan sendiri (*self-declaration*) tanpa memerlukan dokumen. Bagi rakyat yang tidak tergolong dalam segmen-segmen di atas, mereka masih boleh mendapatkan moratorium dengan membuat permohonan kepada pihak bank masing-masing.

5. Kerajaan juga telah memutuskan program i-Sinar KWSP untuk membenarkan semua ahli yang terjejas dan terkesan akibat pandemik COVID-19 untuk membuat pengeluaran caruman di antara RM10,000 sehingga RM60,000 dari Akaun 1 tertakluk kepada terma dan syarat yang telah ditetapkan. Dengan adanya inisiatif-inisiatif ini, adalah diharapkan ia dapat membantu meringankan beban rakyat untuk terus meneruskan kelangsungan hidup dalam menghadapi gelombang ketiga COVID-19 ini.

Sekian, terima kasih.